

**FAKTOR DAN IMPLIKASI *BURNOUT* DI KALANGAN JURURAWAT DI
HOSPITAL TUARAN SEMASA KRISIS PANDEMIK COVID-19.**

SITI NURCHAYA BINTI ABDULANI

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2021



PENGESAHAN

**FAKTOR DAN IMPLIKASI *BURNOUT* DI KALANGAN JURURAWAT DI
HOSPITAL TUARAN SEMASA KRISIS PANDEMIK COVID-19.**

Oleh:

SITI NURCHAYA BINTI ABDULANI

BA18110285

Latihan Ilmiah ini disediakan adalah untuk memenuhi syarat kursus program ijazah
Sarjana Muda Sains Sosial Hubungan Industri.

Encik Fazli Bin Hamid

Pensyarah Hubungan Industri

Tarikh



PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengakui bahawa Tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri yang bertajuk Faktor dan Implikasi *Burnout* Di Kalangan Jururawat Di Hospital Tuaran Semasa Krisis Pandemik COVID-19.

23 Ogos 2021

Siti Nurchaya Binti Abdulani
BA18110285



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor *burnout* dan menganalisis implikasi dan tahap *burnout* dalam kalangan jururawat di kalangan Jururawat di Hospital Tuaran semasa krisis pandemik COVID-19. Dimana, seramai 40 orang responden telah dipilih secara rawak daripada kalangan jururawat di Hospital Tuaran. Kajian ini telah menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data dan maklumat daripada responden kajian. Data yang telah diproleh telah dianalisis menggunakan perisian '*Statistical Packages for Social Sciences*' (SPSS 27). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi *burnout* dalam kalangan jururawat semasa pandemik COVID-19 ini ialah lebih kepada faktor keluarga. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa *burnout* yang dihadapi oleh jururawat di hospital Tuaran telah memberi implikasi kepada kehidupan peribadi mereka. Dalam masa yang sama, didapati bahawa tahap *burnout* jururawat di hospital Tuaran semasa pandemik COVID-19 ini berada di tahap yang tinggi.

Kata Kunci: *Burnout*, faktor, implikasi, tahap, pandemik, COVID-19, Jururawat

ABSTRACT

This study aimed to identify *burnout* factors and analyze the implications and levels of *burnout* among nurses among Nurses in Tuaran Hospital during the COVID-19 pandemic crisis. Where, 40 respondents were randomly selected from among the nurses at Tuaran Hospital. This study has used a questionnaire to obtain data and information from the respondents. The data obtained were analyzed using 'Statistical Packages for Social Sciences' software (SPSS 27). The findings of this study indicate that the factors influencing *burnout* among nurses during this COVID-19 pandemic were more to family factors. In addition, the study also found that the *burnout* faced by nurses in Tuaran hospital had implications for their personal lives. At the same time, it was found that the *burnout* level of nurses in Tuaran hospital during the COVID-19 pandemic was at a high level.

Keywords: *Burnout*, factors, implications, stage, pandemic, COVID-19, Nurse

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurniah dan rahmatnya saya dapat menyiapkan dan menyempurnakan kajian ilmiah saya ini dengan tempoh waktu yang ditetapkan dan sekaligus dapat memenuhi syarat kursus pengajian ijazah Sarjana Muda saya selama tiga tahun di Universiti Malaysia Sabah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Pesnyarah saya juga selaku peyelia tesis saya iaitu Encik Fazli Bin Hamid kerana telah banyak membantu membimbing saya, memberi tunjuk ajar, dan sentiasa mendorong saya sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih saya kepada pengarah Hospital Tuaran dan pihak pengurusan unit latihan Hospital Tuaran kerana telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di Hospital tersebut. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jururawat di Hospital Tuaran kerana telah memudahkan urusan saya dan memberi kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada bapa yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, dan sentiasa memberi sokongan kepada saya. Kepada abang dan kakak-kakak saya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana sentiasa membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam melaksanakan kajian saya.

Akhir sekali, kepada pihak-pihak yang telah terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga. Tanpa bantuan dan sokongan dari daripada anda kajian ini tidak akan mungkin dapat disiapkan dengan mudah. Semoga kajian yang saya hasilkan ini mampu memberi manfaat dan diberkati oleh-Nya.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	I
PENGESAHAN	II
PENGAKUAN PELAJAR	III
ABSTRAK	IV
ABSTRACT	V
PENGHARGAAN	VI
ISI KANDUNGAN	VII
SENARAI JADUAL	X
SENARAI RAJAH	XII
BAB 1	1
PENGENALAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	3
1.3 PERNYATAAN MASALAH	5
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.5 SOALAN PENYELIDIKAN	7
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	7
1.7 SKOP KAJIAN	8
BAB 2	9
SOROTAN LITERATUR	9



2.1 PENGENALAN	9
2.2 KONSEP DAN TEORI.....	9
2.3 KAJIAN LEPAS.....	12
2.4 KERANGKA KOSEPTUAL	37
2.5 PENGEMBANGAN HIPOTESIS.....	38
BAB 3	40
METODOLOGI KAJIAN	40
3.1 PENGENALAN	40
3.2 REKA BENTUK PENYELIDIKAN.....	40
3.3 PROSEDUR DAN PERSAMPELAN	40
3.4 PEMBANGUNAN INSTRUMEN.....	41
3.5 PENGUMPULAN DATA	43
3.6 ANALISIS DATA	45
BAB 4	47
DAPATAN KAJIAN	47
4.1 PENGENALAN	47
4.2 BAHAGIAN A: ANALISIS DEMOGRAFI.....	49
4.3 BAHAGIAN B: ANALISIS ITEM FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN <i>BURNOUT</i> BERLAKU DI KALANGAN JURURAWAT DI HOSPITAL TUARAN SEMASA PANDEMIK COVID-19.	55
4.4 BAHAGIAN C: MENILAI IMPLIKASI DAN TAHAP <i>BURNOUT</i> DALAM KALANGAN JURURAWAT DI HOSPITAL TUARAN SEMASA KRISIS PANDEMIK COVID-19.	63
BAB 5	79
RUMUSAN DAN PERBINCANGAN	79

5.1 PENGENALAN	79
5.2 RINGKASAN KESELURUHAN BAB.....	79
5.3 PERBINCANGAN KAJIAN.....	82
5.4 IMPLIKASI KAJIAN	87
5.5 LIMITASI KAJIAN	87
5.6 CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG	88
5.7 PENUTUP	89
RUJUKAN	90
LAMPIRAN	103



SENARAI JADUAL

No Jadual	Tajuk	Muka Surat
3.1	Pecahan Item Soal Selidik	42
3.2	Skala Pemarkatan Untuk mengukur Faktor dan Implikasi <i>burnout</i>	43
3.3	Skala Pemarkatan untuk mengukur Tahap <i>Burnout</i>	44
3.4	Skala interpretasi Skor min	46
4.1	Analisis Kebolehpercayaan	48
4.2	Analisis kekerapan dan peratus Responden Mengikut Jantina	49
4.3	Analisis Kekerapan Dan Peratus Responden Mengikut Umur	50
4.4	Analisis Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa	51
4.5	Analisis Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Status Perkahwinan	52
4.6	Analisis Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat	53
4.7	Analisis Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Jawatan	54
4.8	Analisis item Faktor Peribadi	56
4.9	Aras persepsi responden terhadap faktor peribadi	56
4.10	Analisis item Faktor Keluarga	58
4.11	Aras persepsi responden terhadap faktor keluarga	59

4.12	Analisis item Faktor Tugas/Kerjaya	61
4.13	Aras persepsi responden terhadap faktor kerjaya	62
4.14	Analisis Item Implikasi <i>Burnout</i> Terhadap Kehidupan	64
4.15	Aras persepsi responden terhadap implikasi <i>burnout</i> kehidupan peribadi	65
4.16	Analisis Item Implikasi <i>Burnout</i> Terhadap Pekerjaan	67
4.17	Aras persepsi responden terhadap implikasi <i>burnout</i> terhadap pekerjaan	67
4.18	Analisis Item Tahap <i>Burnout</i> Berdasarkan Aspek Peribadi	70
4.19	Aras persepsi responden terhadap tahap <i>burnout</i> dalam aspek peribadi	70
4.20	Analisis Item Tahap <i>Burnout</i> Berdasarkan Aspek Persekitaran Kerja	72
4.21	Aras persepsi responden terhadap tahap <i>burnout</i> dalam aspek persekitaran kerja	73
4.22	Analisis Item Tahap <i>Burnout</i> Berdasarkan Aspek Pandemik Covid-19	76
4.23	Aras persepsi responden terhadap tahap <i>burnout</i> dalam aspek Pandemik COVID-19	77
4.24	Anlisis Ujian Regrasi	78

SENARAI RAJAH

No Rajah	Tajuk	Muka Surat
2.1	Kerangka Konsep Kajian	37
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	48
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	49
4.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	50
4.4	Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan	51
4.5	Taburan Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat	52
4.6	Taburan Responden Mengikut Jawatan	53

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Burnout merupakan satu fenomena yang tidak asing dan sering terjadi terhadap individu yang terlibat dengan dunia pekerjaan terutamanya yang berkaitan dengan pekerjaan perkhidmatan professional (Norzihan Ayub, 2008).

Pada Januari tahun 2020, seluruh dunia telah dikejutkan dengan krisis pandemik COVID-19. Kehadiran virus ini telah memberi impak yang sangat besar terhadap kehidupan masyarakat diseluruh dunia. Semua bentuk dan kebiasaan manusia berubah dengan sekelip mata. Pandemik COVID-19 ini merupakan krisis kesihatan yang menjadi sejarah yang sangat mencabar bagi profesion kejururawatan diseluruh dunia termasuk di Malaysia (Berita Harian, 2020). Hal ini kerana, semasa krisis pandemik COVID-19 ini seluruh dunia sedang berperang untuk melawan penularan wabak pandemik COVID-19 ini. Dalam masa yang sama, dalam usaha menangani penularan wabak ini golongan jururawat merupakan hero dan wira Negara dalam barisan hadapan yang berkerja keras untuk menjadi benteng bagi membendung penularan wabak pandemik COVID-19 yang mampu meragut nyawa manusia ini. Pekerjaan mereka yang sebelum ini dianggap biasa-biasa sahaja kini telah menjadi hero orang awam untuk menangani krisis kesihatan ini. Krisis pandemik COVID-19 ini telah membuktikan bahawa profesion kejururawatan ini sangat penting dalam sektor kesihatan Negara. Semangat dan kegigihan mereka dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai barisan hadapan, kesanggupan mereka dalam mendepani pelbagai risiko demi menyelamatkan pesakit COVID-19 dan Negara merupakan salah satu bukti profesion jururawat ini sangat penting (Profesor Dr Soh Kim Lam, 2021). Jururawat telah menggunakan kepakaran dan kemahiran mereka sebagai penyokong dalam usaha melindungi dan membantu meningkatkan kesihatan pesakit yang berada di bawah jagaan mereka semasa pandemik ini. Mereka bekerja keras sepanjang krisis pandemik ini dan tidak mustahil untuk mereka menghadapi masalah-masalah seperti tekanan, kelelahan dan masalah-masalah lain sepanjang menjalankan tugas mereka. Di sebabkan situasi ini, pengkaji terpenggil untuk melakukan penyelidikan yang berkaitan dengan masalah

yang dihadapi oleh jururawat dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sepanjang krisis pandemik COVID-19 ini.

Pekerjaan mereka sepanjang tempoh pandemik ini boleh menyebabkan mereka berisiko untuk menghadapi *burnout*. Dimana menurut Majlis Jururawat Antarabangsa (ICN) dalam Sinar Harian, 2021 terdapat 3000 orang jururawat yang telah terkorban akibat pandemik COVID-19. Kebanyakan mereka yang terkorban adalah disebabkan mereka mengalami trauma akibat dari pandemik COVID-19 dan mengalami keletihan fizikan serta mental (Ketua Eksekutif ICN, 2021). Dalam masa yang sama, Peningkatan kes COVID-19 yang semakin hari semakin bertambah turut memberi pengaruh terhadap profesion jururawat. Setakat 17 Jun 2021, statistik kes COVID-19 telah mencapai angka 678, 764 kes. Peningkatan kes ini menyebabkan mereka terpaksa bekerja dengan lebih keras. Tambahan lagi bilangan jururawat yang tidak mencukupi menjadi cabaran buat mereka. Dimana, menurut ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), Tedros Adhanom Ghebreyesus memberi amaran bahawa dunia menghadapi masalah kekurangan enam juta Jururawat bagi mengendalikan pandemik COVID-19 ini (Berita Harian, 2020). Di Malaysia, terdapat Hospital yang mengalami masalah kekurangan Jururawat semasa pandemic ini sehingga Kementerian kesihatan Malaysia menghantar beberapa orang Jururawat dari semenanjung ke Sabah disebabkan peningkatan kes COVID-19 (Berita Harian, 2020). Oleh itu pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengenalpasti faktor-faktor *burnout* di kalangan jururawat di Hospital Tuaran. *Burnout* dikatakan berlaku disebabkan faktor individu, lingkungan dan budaya. Beban kerja yang berlebihan, kerja lebih masa, tanggungjawab yang banyak dan pelbagai tugas yang harus diselesaikan juga boleh mempengaruhi *burnout*. Dalam masa yang sama, sekiranya jururawat menghadapi *burnout* sudah semestinya perkara ini akan memberi kesan kepada kehidupan jururawat. Hal ini juga mendorong pengkaji untuk mengkaji implikasi dan tahap *burnout* yang dihadapi oleh jururawat dan menjadi objektif kedua dalam kajian pengkaji. Oleh yang demikian, kajian ini sangat penting untuk menjadi panduan dan rujukan kepada pembaca dan pengkaji yang akan datang.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Burnout adalah satu keadaan psikologi yang dihadapi oleh seseorang disebabkan oleh tekanan emosi atau psikologi kronik. Menurut (Maslach, 1981), *burnout* merupakan satu keletihan emosi, dipersonalisasi, dan penurunan prestasi di tempat kerja. Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa *burnout* adalah satu fenomena professional, yang mana *burnout* ini adalah sindrom yang disebabkan tekanan persekitaran kerja yang kronik dan tidak berjaya diselesaikan. Keadaan ini perlu dipandang serius semasa krisis pandemik COVID-19 ini kerana masalah *burnout* ini sangat berkait dengan persekitaran kerja jururawat yang sibuk semasa pandemik ini. Penularan pandemik COVID-19 telah menular ke seluruh dunia dan semakin ramai manusia yang dijangkiti virus ini. Menurut Nanda, 2017 petugas barisan hadapan (*frontliner*) yang terdiri dari jururawat, pegawai perubatan dan mereka yang terlibat dalam bidang kesihatan dilihat telah mengalami *burnout*, depresi, *stress* dan kebimbangan dalam pandemik yang berlaku sebelum pandemik COVID-19 ini. Keadaan genting disebabkan peningkatan kes COVID-19 di seluruh dunia dan masalah kekurangan Jururawat yang dihadapi telah menyebabkan Jururawat yang terlibat dalam pengendalian kes COVID-19 mengalami keletihan (Ketua Eksekutif ICN, Howard Catton, 2020). Hal ini juga telah menyebabkan ramai Jururawat yang terkorban sepanjang mengendalikan tugas mereka.

Di Malaysia, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad telah mengesahkan kes pertama COVID-19 ialah pada 25 Januari 2020 yang membabitkan tiga orang warga China yang masuk ke Negara Malaysia melalui Singapura. Semakin hari kes COVID-19 di Malaysia semakin meningkat. Sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama diisytiharkan oleh perdana Menteri Muhyiddin Yassin. Dimana kes COVID-19 telah meningkat kepada 125 kes yang melibatkan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling. Peningkatan kes terus berlaku, bermula dari tiga angka pada Mac 2020 telah meningkat kepada lima angka pada Januari 2021 iaitu sebanyak 5,725 kes dan merupakan kes pertama kali yang tertinggi pada waktu itu (Astro Awani, 2021). Seterusnya kemuncak peningkatan kes COVID-19 ini ialah pada Mei 2021. Menurut Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengatakan bahawa situasi Covid-19 di Malaysia pada Mei 2021 merupakan yang paling teruk dalam ASEAN (Sinar Harian, 2021). Keadaan ini telah mendesak

peningkatan keperluan Jururawat untuk mengendalikan kes COVID-19 semasa pandemik ini. Penambahan jururawat telah dilakukan kerajaan membabitkan seramai 4,472 jururawat kontrak pada Mei 2021 (Berita Harian, 2021).

Di samping itu, peningkatan kes COVID-19 juga telah menyebabkan jururawat terpaksa menghadapi pengalaman yang paling mencabar. Pandemik ini juga menyebabkan ketahanan dan mental mereka teruji. Sepanjang krisis pandemik mereka terpaksa berjauhan dengan keluarga, berpanas dan berhujan demi untuk menjalankan tanggungjawab mereka sebagai jururawat. Pemakaian alat perlindungan peribadi (PPE) juga menjadi salah satu cabaran kepada mereka. Dalam masa yang sama risiko untuk mereka dijangkiti wabak ini juga adalah sangat tinggi. Dimana berdasarkan Berita Harian 2021, jururawat merupakan kumpulan yang terbesar dijangkiti penyakit ini. Hal ini telah mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal mereka. Memberi rawatan kepada pesakit COVID-19, kebimbangan terkena jangkitan, terpisah dari keluarga menyebabkan mereka menghadapi tekanan (Berita Harian, 2021). Hal ini juga mendorong mereka untuk mengalami *burnout*.

Berdasarkan kajian Washington Post/Kaiser Family Foundation, statistik *burnout* di Amerika syarikat dalam kalangan barisan hadapan telah mencapai 1327 orang pekerja disebabkan pandemik COVID-19 ini. Dimana, sebanyak 55 peratus barisan hadapan dilaporkan telah mengalami *burnout* dan keletihan fizikal yang kronik di tempat kerja, 69 peratus daripada pekerja yang mengalami *burnout* terdiri daripada pekerja yang muda iaitu dalam lingkungan umur 18 hingga 29 tahun. Mereka juga mengatakan bahawa pandemik COVID-19 ini juga telah memberi kesan terhadap kesihatan mental mereka (Dharam Kaushik, MD, 2021). Situasi ini jelas membuktikan pandemik COVID-19 ini mampu menyebabkan golongan Jururawat yang merupakan salah satu daripada barisan hadapan yang sangat berisiko untuk mengalami *burnout*.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Ketidaksediaan dan keterkejutan masyarakat dengan kedatangan wabak pandemik COVID-19 telah mempengaruhi kehidupan masyarakat. Tiada sesiapa yang menjangkakan akan kehadiran wabak pandemik ini. Siapa sangka kehidupan sehari-hari yang sentiasa bebas untuk bergerak ke sana-ke sini dan sentiasa dalam keadaan yang baik secara tiba-tiba berubah disebabkan penularan wabak ini. Dalam masa yang sama, sudah pasti ramai masyarakat yang tidak bersedia untuk menghadapi atau berdepan dengan serangan wabak pandemik yang sangat tidak diduga. Pandemik yang menyerang ini memaksa tabir urus Negara mentadbir dalam keadaan yang huru-hara tanpa mempunyai sebarang pengurusan bencana dan kesihatan awam yang baik, cekap mahupun teratur. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap pengurusan hospital yang mempunyai peranan yang sangat besar semasa pandemik ini. Dimana, pengurusan hospital dan kakitangan hospital tidak dapat ditangani dengan baik sementara bilangan pesakit yang dijangkiti wabak ini semangkit meningkat dari hari ke hari.

Kekurangan peruntukan Hospital untuk menyediakan keperluan kakitangan di hospital semasa pandemik COVID-19 ini seperti pelitup muka dan alat pelindung diri (PPE) dalam menghadapi virus ini juga merupakan satu masalah yang perlu dipandang serius. Pelitup muka dan PPE ini merupakan aspek yang sangat diperlukan oleh kakitangan hospital sepanjang mengenadalkan kes COVID-19 ini. Sekiranya alat perlindungan diri (PPE) dan pelitup muka ini kurang, risiko untuk kakitangan di hospital untuk terkena jangkitan virus COVID-19 ini adalah sangat tinggi. Hal ini boleh menjejaskan keadaan di hospital.

Perubahan dalam pengurusan dan sistem kerja di hospital telah menyebabkan keadaan menjadi tidak sistematik. Sistem pekerjaan kakitangan jururawat di hospital yang berubah-ubah juga menjadi salah satu masalah yang perlu di hadapi oleh setiap jururawat. Jika sebelum pandemik COVID-19 mereka bekerja mengikut *shift* yang ditetapkan seperti biasa. Namun, setelah wujudnya pandemik sistem waktu bekerja mereka turut berubah. Di mana, sistem waktu bekerja jururawat menjadi tidak teratur. Ada yang terpaksa bekerja lebih masa bekerja yang sepatutnya, bekerja di waktu malam dan sebagainya. Waktu bekerja yang tidak teratur ini mampu memberi kesan yang negatif terhadap kesihatan dan keselamatan

jururawat. Menurut A. M. Trinkoff et al., 2011, waktu kerja yang berpanjangan dan tidak teratur boleh mengakibatkan jururawat mempunyai kemampuan yang lebih rendah untuk mengesan perubahan buruk pada pesakit mereka atau menanganinya tepat pada masanya. Kualiti pekerjaan jururawat dalam merawat pesakit juga akan turut terjejas.

COVID-19 yang merupakan sejenis virus yang baru dan kebanyakan jururawat di hospital kurang pendedahan terhadap virus COVID-19 ini. Kurangnya pendedahan terhadap virus ini menyukarkan jururawat untuk berhadapan dengan situasi ini. Virus yang berbahaya ini sangat berisiko tinggi untuk didepani oleh setiap jururawat. Meskipun kurang pendedahan terhadap virus ini, mereka terpaksa mengambil risiko yang sangat besar dengan berhadapan dengan pesakit COVID-19 setiap hari di hospital. Hal ini juga sedikit sebanyak akan mempengaruhi emosi dan tekanan terhadap jururawat di hospital.

Pemakaian alat perlindungan diri (PPE) yang merimaskan juga memberi pengaruh yang besar terhadap emosi seseorang jururawat. Disebabkan virus COVID-19 ini mudah merebak, kakitangan di hospital diwajibkan untuk memakai PPE setiap hari sepanjang berada di hospital. PPE yang di pakai oleh jururawat setiap hari adalah sangat panas dan meleihkan. Menurut seorang jururawat hospital, memakai PPE dan membuka PPE juga mempunyai tatacara yang perlu dipatuhi. Hal ini kerana, memakai PPE dan membuka PPE dengan betul dapat mengelakkan mereka dari risiko terkena jangkitan virus COVID-19.

Akhir sekali, kurangnya kempen kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk mengelakkan jangkitan virus ini dengan mematuhi SOP juga merupakan faktor kepada berlakunya peningkatan kes COVID-19. Hal ini telah menyebabkan jururawat di hospital sentiasa bekerja keras untuk mengendalikan kes COVID-19 ini sehingga menyebabkan ramai jururawat yang mengalami *burnout* ketika bekerja. Bilangan pesakit yang terlalu ramai dengan kadar kakitangan yang sedikit menambahkan lagi beban mereka dalam mengendalikan kes COVID-19 ini.

Bertepatan dengan penjelasan di atas, pengkaji terpenggil untuk menjalankan kajian yang berkaitan dengan *burnout* dalam kalangan jururawat. Justeru kajian yang dijalankan ini juga bertujuan untuk mengenalpasti apakah faktor-

faktor yang menyebabkan *burnout* berlaku di kalangan jururawat dan dalam masa yang sama dapat menjelaskan implikasi *burnout* dalam kehidupan jururawat semasa krisis pandemik COVID-19 ini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan *burnout* berlaku di kalangan jururawat di Hospital Tuaran semasa pandemik COVID-19.
2. Menilai implikasi dan tahap *burnout* dalam kalangan jururawat di Hospital Tuaran semasa krisis pandemik COVID-19.

1.5 SOALAN PENYELIDIKAN

1. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan *burnout* berlaku dalam kalangan jururawat di Hospital Tuaran semasa krisis pandemik COVID-19?
2. Apakah implikasi dan tahap *burnout* di kalangan Jururawat dan dihadapi oleh jururawat di Hospital Tuaran semasa krisis pandemik COVID-19?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Burnout merupakan satu pekara yang sangat memberi pengaruh dalam kehidupan seseorang. Kakitangan perkhidmatan seperti jururawat merupakan golongan yang paling mudah untuk mengalami *burnout*. Krisis pandemik COVID-19 menambahkan lagi risiko untuk jururawat menghadapi *burnout* disebabkan faktor-faktor tertentu. Menurut Yuxia Zhang, 2020 kakitangan jururawat dan perubatan barisan hadapan, terutama pada peringkat awal wabak merupakan golongan yang sering mengalami kegelisahan dan kemurungan kerana beban kerja yang tinggi, peralatan pelindung diri yang tidak mencukupi, kurangnya pengetahuan tentang patogen iaitu kuman atau virus dan perlu berhubung secara langsung dengan pesakit. Oleh itu, antara kepentingan kajian ini ialah, melalui kajian ini kita dapat mengetahui apakah faktor-faktor yang menyebabkan *burnout* berlaku di kalangan jururawat di hospital Tuaran semasa pandemik COVID-19 ini. Selain itu kajian ini juga dapat menjelaskan tentang implikasi *burnout* yang dihadapi dalam kehidupan jururawat hospital Tuaran disebabkan krisis pandemik COVID-19 ini. Dalam masa yang sama, kajian ini dapat

membantu pihak pengurusan Hospital Tuaran dalam mengenalpasti keadaan kakitangan jururawat di hospital itu semasa krisis pandemik COVID-19 dan sekaligus dapat mengurangkan risiko kemalangan mahupun pekara-pekerja yang tidak diinginkan berlaku di kalangan kakitangan jururawat di hospital Tuaran, Kota Kinabalu, Sabah.

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini dilakukan secara rawak terhadap kakitangan jururawat di hospital Tuaran. Dalam kajian ini, responden kajian adalah terdiri daripada jururawat di semua bahagian di hospital Tuaran yang terlibat secara langsung untuk menangani kes dan terkesan disebabkan COVID-19 ini. Salah satu daripada jururawat yang terkesan dengan kes COVID-19 ini ialah Pn. Laziah Binti Sapilin. Dimana beliau mengakui bahawa beliau turut terkesan disebabkan wabak pandemik COVID-19. Beban kerja mereka semakin bertambah dan dalam masa yang sama sistem pekerjaan dan masa mereka bekerja telah bertukar secara drastik. Seramai 30 orang yang terdiri dari jururawat di Hospital Tuaran telah dijadikan responden dalam kajian ini. Soal selidik diedarkan secara rawak kepada jururawat di hospital Tuaran tanpa mengira umur, bangsa mahupun jantina. Setiap responden iaitu jururawat harus menjawab setiap bahagian soal selidik yang disediakan. Soal selidik yang diedarkan adalah berdasarkan kepada objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Dalam Bab ini akan menerangkan tentang kajian literature yang berkaitan dengan faktor-faktor dan implikasi *burnout* dalam kalangan jururawat. Kajian literatur ini akan meliputi empat aspek penting iaitu berkaitan dengan konsep kajian, pengenalpastian dan perbincangan mengenai teori-teori dalam bidang kajian, kerangka konseptual dan perkembangan hipotesis.

2.2 KONSEP DAN TEORI

2.2.1 KONSEP *BURNOUT*

Maslach (1982) menjelaskan bahawa konsep *burnout* merupakan satu sindrom keletihan emosi. Selain itu Maslach juga mengatakan bahawa *burnout* ialah juga satu dipersonalisasi dan kurangnya pencapaian peribadi. *Burnout* akan berlaku sekiranya seorang pekerja itu mengalami tekanan dan tidak lagi dapat berinteraksi dengan orang disekelilingnya. *Burnout* di anggap sebagai satu tekanan yang dilalui oleh seseorang individu yang tertanam dalam satu konteks hubungan sosial yang rumit. (Maslach, 2016).

Selain itu, *Konsep burnout* telah lama diperkenalkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Di mana menurut Norzihan Ayub (2008) mengatakan, konsep *burnout* ini telah diperkenalkan oleh Freudenberger (1974) pada pertengahan tahun 1970an. Di mana, Freudenberger (1974) menggambarkan keadaan *burnout* sebagai satu kelelahan dengan membuat tuntutan tenaga, kekuatan, atau sumber daya yang berlebihan di tempat kerja. Menurut Freudenberger, *burnout* dapat dikesan melalui gejala fizikal seperti keletihan, sakit kepala yang kerap dan gangguan gastrousus (gangguan sistem pencernaan), tidak dapat tidur, dan sesak nafas. Dari segi tingkah laku pulah boleh dilihat seseorang individu itu mengalami kekecewaan, kemarahan, sikap mencurigakan, perasaan berkuasa atau terlalu percaya diri, penggunaan ubat

penenang dan barbiturat yang berlebihan, sinis, dan mempunyai tanda-tanda kemurungan.

Schaufeli and Enzman (1998) pula menjelaskan konsep *burnout* adalah keadaan di mana seseorang itu mempunyai fikiran negatif yang berkaitan dengan pekerjaan, muncul di antara individu 'normal', yang terutama dicirikan oleh keletihan, kesusahan, penurunan keberkesanan, penurunan motivasi dan sikap tingkah laku yang tidak berfungsi di tempat kerja. Keadaan psikologi ini berkembang secara beransur-ansur dan tidak dapat dikesan, untuk jangka masa panjang oleh orang yang terlibat. Dalam masa yang sama ia berpunca dari ketidaktepatan antara pekerjaan yang diharapkan dan realiti kerja sebenar.

2.2.2 TEORI *BURNOUT*

Model *burnout* kebanyakannya didasari oleh teori-teori yang berkaitan dengan tekanan kerja dan pekara-pekerja yang boleh membawa kepada tekanan. Antara teori yang paling sesuai untuk digunakan dalam menjelaskan sesuatu fenomena *burnout* itu ialah teori Conservation of Resources (COR) , teori the Job Demands-Resources (JD-R), dan teori General Adaptation Syndrome (GAS)

2.2.2.1 *Teori Conservation of Resources (COR)*

